

Masalah Parkir di Tempat Larangan UiTM (Pahang), Kampus Jengka : Cadangan Penyelesaian

Aminudin Ab Latif^{1*}, Mohd Fakri Muda², Mohd Razmi Zainudin³,
Mohd Fairuz Bachok⁴

^{1,2,3,4}Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Pahang,
26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
aminudin738@pahang.uitm.edu.my, fakri@pahang.uitm.edu.my, razmi74@pahang.uitm.edu.my,
mohdfairuz@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Kawasan bangunan pentadbiran diketahui merupakan kawasan yang sering berlaku masalah parkir berdasarkan kepada penerimaan emel berkaitan perkara ini oleh warga kampus. Artikel ini ditulis untuk memahami faktor dan punca mengapa sebilangan warga kampus bertindak memakir di kawasan larangan dan seterusnya mencadangkan penyelesaian. Kajian ini dilakukan melalui instrumen soal-selidik yang melibatkan dua (2) kumpulan responden iaitu warga kampus yang memandu yang pernah dan yang tidak pernah dikenakan tindakan atas kesalahan trafik. Faktor utama berlakunya kesalahan parkir di tempat larangan ini berpunca daripada warga kampus yang ingin menguruskan sesuatu hal sebentar di sesuatu tempat tetapi pada waktu yang sama tiada parkir kosong di tempat tersebut. Contoh penyelesaian yang praktikal adalah tidak hanya boleh mengelakkan gangguan trafik tetapi juga mengambilkira implikasi kos pelaksanaan dan juga penguatkuasaan pihak berwajib di dalam kampus. Dapatan kajian ini juga telah menggariskan lima (5) cadangan penyelesaian iaitu, membenarkan parkir di tempat larangan tetapi dengan syarat ada pemandu menunggu di dalam kenderaan, menyediakan parkir sementara, menambahkan bilangan parkir, parkir di tempat larangan dibenarkan hanya ketika waktu puncak dan tempat larangan parkir ditambah simbol, penanda, penunjuk dan maklumat berkaitan. Ini kerana walaupun sesetengah pendapat mengatakan bahawa perkara ini dapat diselesaikan dengan menambahkan bilangan parkir tetapi terdapat dapatan beberapa kajian menunjukkan bahawa tidak semua keadaan dapat diatasi dengan cadangan tersebut tetapi pendekatan terbaik sebenarnya adalah penyediaan parkir baru dengan langkah sokongan. Semoga dapatan dari kajian ini dapat membantu menyelesaikan masalah parkir dan kesalahan trafik ini di kampus dan selanjutnya di mana-mana tempat tumpuan di dalam negara.

Kata kunci : cadangan penyelesaian, kesalahan trafik, parkir, tempat larangan

1. Pengenalan

Parkir didefinisi sebagai ruang atau tempat penyimpanan kenderaan dan ia merupakan salah satu kemudahan yang penting di dalam perancangan pembangunan dan trafik. Parkir dianggap kemudahan penting kerana ia dikatakan sebagai kemudahan yang menyokong fungsi sesuatu tempat. Mustazar dan Leong (2008) mendapati bahawa selain daripada harga yang berpatutan, dan lokasi yang strategik, perkhidmatan parkir yang baik adalah faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna cenderung mengunjungi pasar raya besar. Atas alasan kepentingan parkir itu, garis panduan perancangan parkir diwartakan yang merangkumi prinsip perancangan, garis panduan umum dan garis panduan khusus supaya parkir dapat direkabentuk dengan seragam, selamat dan selesa serta kuantiti mencukupi berdasarkan keluasan tapak dan lokasi strategik demi meningkatkan fungsi dan aktiviti setempat (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 2011).

Namun begitu, penambahan penduduk serta pemilikan dan penggunaan kenderaan telah menimbulkan beberapa masalah yang berkaitan dengan parkir terutama di bandar-bandar iaitu ketidakcukupan parkir serta penawaran parkir tidak menepati permintaan dari segi kawasan perletakan dan sebagainya. Kesannya bukan sahaja menimbulkan masalah kepada lalulintas sahaja tetapi juga masalah-masalah lain. Masalah utama sekiranya ketidakcukupan parkir adalah

berlakunya parkir di tempat larangan, tindakan ini akan mendatangkan kesesakan yang serius sekiranya kenderaan yang diparkir di tempat larangan menghalang atau menyukarkan kenderaan lain untuk bergerak melepasi kenderaan tersebut. Keadaan ini juga akan menyebabkan terlalu banyak kenderaan yang berlegar di kawasan parkir sehingga mengganggu keselesaan awam terutamanya kepada pejalan kaki (Mohd Noor, 2003).

Meletak kenderaan di tempat larangan dan parkir kenderaan yang boleh menyebabkan halangan atau gangguan lalu lintas merupakan dua (2) kesalahan trafik mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Kedua-dua kesalahan trafik ini dikategorikan sebagai kesalahan berkaitan isyarat lalulintas dan akan dikompaun oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sebanyak di antara RM60.00 hingga RM250.00. Manakala di peringkat UiTM pula, kedua-dua kesalahan adalah tertakluk di dalam Akta 174, Bahagian IV: Tatatertib Lalu lintas Jalan iaitu bilangan 38, bilangan 39 dan bilangan 43 yang akan dikompaun sebanyak RM50.00.

Kesalahan trafik ini turut berlaku di UiTM (Pahang), Kampus Jengka. Walaupun statistik kesalahan trafik ini tidak disertakan di dalam kajian, namun ia dianggap serius kerana perkara ini telah mendapat perhatian pihak pengurusan dan telah disebarikan melalui e-mel rasmi kepada semua warga kampus. Terdapat juga e-mel yang turut dihantar oleh individu yang menyatakan bahawa perkara ini perlu diberi perhatian kerana telah menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan warga kampus. Maka, adalah perlu untuk mengetahui faktor dan punca mengapa perkara ini berlaku supaya warga kampus mendapat gambaran sebenar dan seterusnya mencadangkan langkah penyelesaian yang perlu. . Apa yang penting adalah usaha untuk memahami sesuatu permasalahan dan mencari penyelesaian demi aturan hidup yang lebih baik pada masa hadapan.

2. Kaedah

Soal-selidik merupakan pendekatan yang digunakan dalam kajian ini bagi mengenalpasti faktor dan punca kepada masalah parkir di tempat larangan yang berlaku di UiTM (Pahang), Kampus Jengka serta cadangan penyelesaian bagaimana mengatasi masalah ini dari perspektif warga kampus. Faktor dan punca dikenalpasti sepenuhnya dari soal-selidik, manakala cadangan penyelesaian adalah melalui soal-selidik dan pengamatan penulis. Soal-selidik ini direkabentuk dengan merujuk kepada tinjauan-tinjauan dalam soal-selidik yang telah digunakan untuk kajian oleh (Kamilawati, 2008; Global Parking Association Leaders, 2013; Muhd Burhanuddin, 2006; Transportation Division, 2011; Uzairi, 2012), namun ia diubahsuai bagi mencapai objektif kajian. Soal-selidik dipecahkan kepada tiga (3) bahagian iaitu latar-belakang responden berkaitan dengan masalah ini serta pandangan mereka (5 tinjauan), pendapat responden mengapa masalah ini timbul (1 tinjauan) dan pandangan responden apakah cadangan terbaik mengatasi masalah ini (1 tinjauan). Bahagian 1 menggunakan asas aneka pilihan manakala bahagian 2 dan bahagian 3 merujuk kepada 5-pilihan Skala Likert iaitu dari paling kurang kukuh ke paling kukuh dan paling kurang praktikal ke paling praktikal. Bahagian 2 dan bahagian 3 perlu ditentukan min bagi setiap tinjauan dan kemudiannya dibandingkan dengan tahap keberkesanan seperti pada Jadual 1 supaya dapat diketahui klasifikasi bagi setiap tinjauan.

Jadual 1. Tahap keberkesanan

| Nilai | 0.0 - 1.49 | 1.50 – 2.49 | 2.50 – 3.49 | 3.50 – 4.49 | 4.50 – 5.00 |
|--------------------|-------------------------|------------------|-------------|-------------|------------------|
| Tahap keberkesanan | Paling kurang kukuh | Kurang kukuh | Tidak pasti | Kukuh | Paling kukuh |
| | Paling kurang praktikal | Kurang praktikal | Tidak pasti | Praktikal | Paling praktikal |

Kaedah kajian adalah secara kualitatif di mana sebanyak dua puluh (20) responden dari warga kampus terlibat dalam kajian ini di mana dipecahkan kepada dua (2) kumpulan iaitu responden yang pernah atau tidak pernah dikenakan tindakan akibat melakukan kesalahan parkir di tempat larangan. Sepuluh (10) responden bagi setiap kumpulan. Kaedah kajian yang memecahkan responden kepada dua (2) kumpulan iaitu pernah dan tidak pernah turut digunapakai di dalam kajian oleh (Dayang Noorlizah, 2011; Zaliha et al., 2003). Sampel yang kecil adalah kerana kesukaran untuk mengenalpasti responden yang pernah dikenakan tindakan. Pengenalpastian hanya dilakukan dengan cara menemubual warga kampus tanpa merujuk kepada senarai di unit Polis Bantuan untuk mengelakkan berlakunya konflik kepentingan.

Anggaran perbelanjaan bagi setiap cadangan adalah dibuat sepertimana bil kuantiti. Manakala anggaran harga adalah berpandukan kepada ‘schedules of rates PWD’ dan harga barangan dari pembekal-pembekal yang dipaparkan di dalam laman web atau katalog.

3. Keputusan dan Perbincangan

Perbincangan di dalam artikel ini tertumpu pada dua (2) aspek iaitu faktor dan punca mengapa sebilangan warga kampus mengambil tindakan parkir di tempat larangan dan aspek kedua pula adalah cadangan penyelesaian bagi mengatasi masalah kesalahan trafik ini. Faktor dihuraikan melalui pendekatan kronologi, punca mengikut urutan keutamaan, manakala cadangan penyelesaian adalah berpandukan kepada faktor dan punca berlakunya kesalahan trafik, pandangan kaedah terbaik mengatasi masalah ini dan pengamatan penulis bagaimana kaedah yang terbaik dapat dilaksanakan. Setiap cadangan penyelesaian dibincangkan mengenai kelebihan dan kekurangan serta anggaran kos perbelanjaan sekiranya untuk menjayakan cadangan tersebut.

3.1 Faktor dan punca masalah parkir di tempat larangan

Secara dasarnya, faktor permasalahan ini berlaku adalah dikenalpasti melalui Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4. Kronologinya adalah seperti berikut :

- i. Warga kampus bercadang untuk menguruskan sesuatu hal di sesuatu tempat yang dirasakan tidak akan mengambil masa yang lama. Sebagai contoh, menetik kad perakam waktu kerja, menghantar atau mengambil barangan dan sebagainya.
- ii. Apabila tiba di tempat tersebut, warga kampus mendapati bahawa tiada parkir yang kosong, setelah berlegar-legar di kawasan parkir seketika dan menunggu sebentar, warga kampus akan beranggapan bahawa tidak akan ada parkir kosong dalam masa terdekat.
- iii. Akibatnya, warga kampus membuat keputusan untuk parkir di tempat larangan atas tiga (3) alasan lain iaitu parkir di situ tidak akan mengganggu aliran trafik, berhasrat hanya ingin parkir sementara dan kemungkinan unit Polis Bantuan tidak membuat rondaan.

Jadual 2. Latar-belakang responden berkaitan dengan masalah ini serta pandangan mereka

| Tinjauan | Perkara | Pernah dikenakan tindakan kesalahan trafik (%) | Tidak pernah dikenakan tindakan kesalahan trafik (%) | Jumlah (%) |
|--|------------|--|--|------------|
| Berapa kali anda dikenakan tindakan kesalahan trafik iaitu parkir di tempat larangan ? | 1 kali | 50.0 | - | 50.0 |
| | 2 – 3 kali | 50.0 | - | 50.0 |
| | 4 – 5 kali | 0.0 | - | 0.0 |
| | > 5 kali | 0.0 | - | 0.0 |

| | | | | |
|--|-------|-------|------|-------|
| Adakah anda sedar bahawa anda telah melakukan kesalahan trafik iaitu parkir di tempat larangan ? | Ya | 100.0 | - | 100.0 |
| | Tidak | 0.0 | - | 0.0 |
| Pernahkan anda tidak dikenakan tindakan walaupun anda telah parkir di tempat larangan ? | Ya | 100.0 | 80.0 | 90.0 |
| | Tidak | 0.0 | 20.0 | 10.0 |
| Pada pandangan anda, adakah undang-undang parkir di tempat larangan perlu ? | Ya | 100.0 | 70.0 | 85.0 |
| | Tidak | 0.0 | 30.0 | 15.0 |

Jika diperhalusi, sebenarnya faktor utama adalah warga kampus yang ingin menguruskan sesuatu hal sebentar di sesuatu tempat tetapi pada waktu yang sama tiada parkir kosong di tempat tersebut. Faktor-faktor seperti tidak mengganggu aliran trafik sekiranya parkir di tempat larangan serta pengawasan rondaan unit Polis Bantuan hanyalah merupakan faktor-faktor sampingan yang menyumbang berlakunya masalah ini.

Ini dibuktikan melalui Jadual 3 di mana kedua-dua faktor tersebut menunjukkan alasan pada klasifikasi kukuh. Rasionalnya, sekiranya terdapat parkir kosong, tindakan parkir di tempat larangan tidak akan dilakukan dan ini secara tidak langsung tiada kesalahan trafik. Jadual 3 mengukuhkan lagi akan perkara ini kerana dua (2) dari lima (5) cadangan praktikal adalah berkaitan dengan keperluan penambahan parkir.

Jadual 3. Pendapat responden mengapa masalah ini timbul

| Alasan | Pernah dikenakan tindakan kesalahan trafik | Tidak pernah dikenakan tindakan kesalahan trafik | Jumlah | Klasifikasi |
|---|--|--|--------|--------------|
| Hanya ingin menguruskan hal sebentar | 4.0 | 4.7 | 4.35 | Kukuh |
| Merasakan tidak mengganggu trafik (menghalang kenderaan) | 4.3 | 3.9 | 4.10 | Kukuh |
| Terpaksa kerana tiada parkir kosong lagi (parkir terhad) | 3.6 | 3.5 | 3.55 | Kukuh |
| Mudah parkir di tempat dilarang tersebut | 3.3 | 2.7 | 3.00 | Tidak pasti |
| Terdapat parkir kosong tetapi jauh atau tidak sesuai | 3.5 | 2.5 | 3.00 | Tidak pasti |
| Hukuman yang dikenakan tidak berat | 2.5 | 2.7 | 2.60 | Tidak pasti |
| Menganggap tidak akan dikenakan tindakan | 2.2 | 2.3 | 2.25 | Kurang kukuh |
| Menganggap kesalahan parkir di tempat larangan adalah perkara kecil | 2.4 | 2.1 | 2.25 | Kurang kukuh |
| Merasakan bahawa tiada penguatkuasaan (rondaan) dilakukan pada waktu tersebut | 2.3 | 2.0 | 2.15 | Kurang kukuh |
| Tidak mengetahui bahawa tempat tersebut dilarang untuk parkir | 2.7 | 1.2 | 1.95 | Kurang kukuh |

Dua (2) faktor yang dinyatakan dianggap sebagai faktor sampingan adalah kerana kedua-dua faktor tersebut hanya akan menyebabkan kemungkinan besar kesalahan trafik ini akan berlaku sekiranya wujudnya punca utama tetapi kesalahan trafik ini tidak akan berlaku jika punca utama tidak wujud walaupun kedua-dua faktor sampingan ada. Faktor pertama, sekiranya tiada tempat yang tidak mengganggu aliran trafik untuk membolehkan parkir, maka akan membuatkan warga kampus tiada pilihan iaitu sama ada terus menunggu sehingga terdapat parkir kosong atau meninggalkan tempat tersebut dan datang kemudiannya. Parkir di tempat larangan tidak akan berlaku. Buktinya pada Jadual 3 di mana warga kampus berpendapat bahawa boleh parkir di mana sahaja selagi tidak mengganggu aliran trafik dan alasan ini merupakan alasan diklasifikasikan kukuh. Selain itu, pendapat ini selari dengan pandangan cadangan penyelesaian pada Jadual 4 iaitu tiga (3) dari lima (5) cadangan penyelesaian praktikal

adalah berkaitan dengan tempat larangan iaitu dua (2) mahukan tempat larangan dibolehkan parkir dalam keadaan tertentu dan satu (1) cadangan yang mana tempat larangan perlu diperbaiki dan diubahsuai supaya tempat itu tidak boleh parkir. Bukti lain adalah pada Jadual 2 iaitu 50% responden yang pernah dikenakan hukuman ini, mengulangi kesalahan sama. Ini bermaksud bahawa jika terdapat tempat larangan yang membolehkan parkir tanpa mengganggu aliran trafik sebenarnya memberikan peluang kepada warga kampus untuk parkir di situ.

Secara dasarnya, penyumbang punca permasalahan ini mengikut urutan keutamaan adalah kekurangan kemudahan fizikal, kelemahan penguatkuasaan dan sikap warga kampus. Kekurangan kemudahan fizikal dianggap punca utama kerana sekiranya terdapat banyak parkir kosong, sudah tentu warga kampus akan parkir di parkir yang kosong dan tidak perlu parkir tempat larangan. Selain itu, terdapat tempat larangan yang memudahkan warga kampus untuk parkir dan apabila parkir di tempat larangan tersebut tidak menyebabkan sering-kali berlakunya kesesakan trafik, maka keadaan ini telah memberi peluang untuk warga kampus melakukan kesalahan trafik yang sama. Kemudian adalah kelemahan penguatkuasaan, kelemahan ini adalah bukan disebabkan oleh undang-undang yang sedia ada yang turut termasuk juga hukuman dan peringatan. Kelemahan yang dimaksudkan hanyalah dari aspek pelaksanaan iaitu kurang aktiviti rondaan dilakukan. Ini kerana majoriti responden pernah melakukan kesalahan trafik ini tetapi tidak dikenakan apa-apa tindakan (Jadual 2). Sikap warga kampus dianggap bukan punca utama. Ini kerana melalui Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan bahawa warga kampus faham bahawa parkir di tempat larangan merupakan satu kesalahan serta akan dikenakan tindakan, mereka juga tahu bahawa tempat tersebut merupakan tempat larangan parkir, malahan turut menyokong undang-undang kesalahan parkir perlu ada dan dikuatkuasa. Jadual 4 mengukuhkan alasan ini kerana cadangan-cadangan untuk mengingatkan dan menjaga sikap untuk dilaksanakan pada masa akan datang tidak disokong kerana warga kampus telah sedia maklum akan perkara ini. Mereka bertindak untuk melakukan kesalahan trafik ini hanya kerana terpaksa dan walaupun dalam keadaan terpaksa, warga kampus tetap memastikan parkir di tempat larangan yang tidak akan menyebabkan gangguan trafik yang serius.

Jadual 4. Pandangan responden apakah cadangan terbaik mengatasi masalah ini

| Cadangan penyelesaian | Pernah dikenakan tindakan kesalahan trafik | Tidak pernah dikenakan tindakan kesalahan trafik | Jumlah | Klasifikasi |
|---|--|--|--------|-------------|
| Membenarkan parkir di tempat larangan tetapi dengan syarat ada pemandu menunggu di dalam kenderaan | 4.4 | 4.1 | 4.25 | Praktikal |
| Menyediakan parkir sementara di mana membolehkan kenderaan parkir dalam suatu jangkamasa yang sebentar sahaja | 4.4 | 4.0 | 4.20 | Praktikal |
| Menambahkan bilangan parkir | 3.9 | 4.3 | 4.10 | Praktikal |
| Parkir di tempat larangan dibenarkan hanya ketika waktu puncak tetapi perlu di bawah pengawasan penguatkuasa | 3.6 | 4.0 | 3.80 | Praktikal |
| Tempat larangan parkir ditambah simbol, penanda, penunjuk dan maklumat supaya lebih mudah mengenali tempat tersebut | 3.7 | 3.9 | 3.80 | Praktikal |
| Penguatkuasa membuat rondaan lebih kerap | 2.7 | 4.2 | 3.45 | Tidak pasti |
| Menyediakan laluan khas menunggu sehingga terdapat parkir kosong | 3.5 | 2.9 | 3.20 | Tidak pasti |
| Membuat peringatan berterusan melalui laman sesawang atau e-mel rasmi jabatan | 2.2 | 3.3 | 2.75 | Tidak pasti |

| | | | | |
|---|-----|-----|------|------------------|
| Menyediakan pengangkutan khas yang membawa individu ke tempat tumpuan pada waktu puncak dan berhenti sementara di tempat tersebut | 2.4 | 3.0 | 2.7 | Tidak pasti |
| Setiap individu hanya boleh parkir di tempat parkir yang dikhaskan untuk mereka sahaja dan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan (berkongsi parkir) | 2.0 | 2.8 | 2.40 | Kurang praktikal |
| Hukuman lebih berat | 1.8 | 3.0 | 2.40 | Kurang praktikal |
| Membangunkan applikasi telefon pintar di dalam memberitahu bahawa anda telah parkir yang menghalang kenderaan seseorang (tempat larangan) dan beliau bersetuju membenarkannya | 2.0 | 2.1 | 2.05 | Kurang praktikal |

Sehubungan dengan itu, adalah jelas bahawa warga kampus tidak akan parkir di tempat larangan sekiranya terdapat banyak parkir kosong atau mencukupi. Jika masih terdapat masalah kekurangan parkir dan terdapat tempat larangan yang mudah untuk parkir tetapi menyebabkan gangguan trafik yang serius, warga kampus tidak akan parkir di tempat larangan tersebut. Tempat larangan parkir yang tidak mengganggu aliran trafik yang serius akan menjadi tumpuan pesalah parkir dikalangan warga kampus walaupun ianya sukar untuk diparkir dan kesalahan trafik ini akan masih berlaku. Ia bermakna warga kampus hanya akan melakukan kesalahan trafik ini sekiranya terdapat tempat larangan yang dapat diparkir tanpa menyebabkan gangguan trafik yang serius.

Namun tidak dapat dipastikan sama ada dengan meningkatkan aktiviti rondaan oleh penguatkuasa dapat mengatasi masalah ini jika masih terdapat tempat larangan yang boleh parkir tanpa mengganggu trafik. Ini kerana melalui Jadual 2, akibat kekurangan aktiviti rondaan menyebabkan terdapat warga kampus tidak dikenakan hukuman walaupun telah melakukan kesalahan trafik ini. Sebaliknya pada masa yang sama juga, terdapat warga kampus dikenakan tindakan beberapa kali atas kesalahan mengulangi kesalahan trafik yang sama. Maknanya, walaupun aktiviti rondaan dipertingkatkan tetapi selagi terdapat peluang untuk parkir di tempat larangan yang tidak akan menyebabkan kesesakan lebih serius, warga kampus akan memilih untuk parkir di tempat tersebut. Tindakan meningkatkan rondaan ini berkemungkinan dapat menurunkan kadar masalah trafik ini tetapi tidak dapat menyelesaikannya secara keseluruhan. Atas alasan itu kelemahan penguatkuasaan dan sikap warga kampus masih dianggap antara punca permasalahan ini tetapi tidak sebagai punca utama. Uzairi (2012) mendapati bahawa kesesakan lalu lintas trafik adalah disebabkan oleh para pemandu parkir di tempat larangan akibat kekurangan parkir terutamanya ketika waktu puncak serta tiada pemantauan dan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa tempatan terhadap pemandu yang melakukan kesalahan tersebut secara berkala.

3.2 Cadangan Penyelesaian

Hanya cadangan yang diklasifikasikan praktikal sahaja (Jadual 4) yang dibincang di dalam artikel ini merangkumi penerangan, ilustrasi dan anggaran perbelanjaan.

3.2.1 Membenarkan parkir di tempat larangan tetapi dengan syarat ada pemandu menunggu di dalam kenderaan

Cadangan ini membolehkan parkir di tempat larangan tetapi hanya penumpang sahaja yang dibenarkan untuk membuat urusan dan pemandu akan menunggu di dalam kenderaan. Ia dapat dilakukan sepanjang tempoh waktu kerja termasuk pada waktu puncak. Ini kerana pemandu di tempat larangan dapat memandu pergi jika keadaan sesak atau terdapat kenderaan

lain kemudian yang perlu untuk parkir sementara bagi menurunkan penumpang. Pemandu dapat kembali setelah keadaan tidak sesak atau untuk mengambil penumpang yang telah menunggu di tempat larangan.

Hanya melibatkan pengubahsuaian tempat larangan sedia ada supaya warga kampus mengetahui bahawa tempat itu adalah tempat yang dibenarkan untuk parkir tetapi perlu ada pemandu menunggu di dalam kenderaan. Pengubahsuaian yang perlu dibuat adalah dengan menambahkan tanda pada parkir larangan dan meletakkan papan tanda (**Rajah 1**). Anggaran perbelanjaan dengan merujuk kepada satu (1) parkir selari adalah seperti mana Jadual 5.

Jadual 5. Anggaran perbelanjaan cadangan penyelesaian praktikal 1

| Keterangan kerja | Unit | Kuantiti | Harga per unit (RM) | Jumlah (RM) |
|------------------------|----------------|----------|---------------------|-------------|
| Pembinaan | | | | |
| Kerja pengecatan | m ² | 15.0 | 6.50 | 97.50 |
| Kelengkapan | | | | |
| Pemasangan papan tanda | bilangan | 1 | 1000.00 | 1000.00 |
| Jumlah | | | | 1097.50 |




Rajah. 1 Illustrasi cadangan penyelesaian praktikal 1

3.2.2 Menyediakan parkir sementara bagi membolehkan kenderaan parkir dalam suatu jangkamasa yang sebentar sahaja

Cadangan ini membolehkan pemandu parkir kenderaan mereka dan kemudiannya melakukan urusan mereka dalam jangkamasa sebentar. Ia dapat dilakukan sepanjang tempoh waktu kerja termasuk pada waktu puncak kerana parkir ini dibina khas dan dipisahkan dari parkir biasa. Parkir di parkir khas ini hanya dibenarkan dalam jangkamasa sebentar yang ditetapkan iaitu sebagai contoh tidak melebihi 5 minit. Ini supaya setiap pemandu menguruskan sesuatu urusan dengan cepat dan penting sahaja serta tidak akan menyebabkan pemandu lain perlu menunggu lama untuk parkir. Bagi memastikan setiap pemandu parkir tidak melebihi masa yang ditetapkan, maka jam elektronik, sistem rangkaian cctv dan audio dipasang serta maklumat berkaitan parkir khas dimasukkan dalam laman web. Jam elektronik dipasang bersebelahan dengan parkir supaya para pemandu dapat mengetahui bila masa mereka perlu kembali ke kenderaan mereka dan kemudiannya meninggalkan parkir. Sistem rangkaian cctv berfungsi untuk memantau tempoh parkir setiap pemandu. Sekiranya terdapat pemandu parkir melebihi tempoh, ingatan akan diberikan melalui e-mel kepada pemandu tersebut supaya tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa hadapan. Manakala, sistem audio adalah untuk mengingatkan pemandu bahawa tempoh parkir hampir tamat dengan pesanan melalui pembesar suara. Pesanan ini hanya disampaikan sekiranya banyak kenderaan menunggu di barisan menunggu sementara. Barisan menunggu sementara merupakan ruangan barisan bagi kenderaan lain menunggu sehingga parkir khas sementara kosong. Bilangan kenderaan menunggu di

barisan menunggu sementara sebenarnya dapat memberikan anggaran berapa lama masa maksimum untuk para pemandu perlu tunggu sebelum dapat parkir di parkir khas sementara. Selain itu, membantu pemandu membuat keputusan manakah yang lebih baik sama ada menunggu untuk parkir di parkir khas sementara atau parkir biasa. Maklumat yang paling penting yang perlu disertakan di dalam laman web adalah senarai urusan yang dapat diselesaikan dalam jangkamasa pendek, maka warga kampus dapat mengetahui adakah urusan yang mereka akan lakukan memerlukan mereka parkir di parkir khas lebih baik atau parkir biasa. Oleh kerana parkir khas ini memerlukan kos operasi yang tinggi, tabung ditempatkan bersebelahan parkir supaya warga kampus dapat memberi sumbangan. Ini adalah atas alasan bahawa parkir khas ini telah membantu melancarkan urusan mereka.

Parkir khas sementara ini perlu dibina berhampiran dengan pusat (bangunan) yang menjadi tumpuan. Tujuan utama perlu dibina berhampiran adalah supaya masa yang diambil untuk berjalan menuju ke sesuatu sasaran lokasi di dalam bangunan adalah pendek dan tidak memerlukan masa yang panjang. Secara tidak langsung, urusan dapat dilakukan dengan cepat dan begitu juga kenderaan yang diparkir di parkir khas sementara dapat dikosongkan dengan segera. Ilustrasi cadangan parkir khas sementara adalah seperti mana yang ditunjukkan pada **Rajah 2** dan Jadual 6 menunjukkan anggaran terperinci perbelanjaan pembinaannya.



Rajah 2 Ilustrasi cadangan penyelesaian praktikal 2

Jadual 6. Anggaran perbelanjaan cadangan penyelesaian praktikal 2

| Keterangan kerja | Unit | Kuantiti | Harga per unit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|----------------|----------|---------------------|-------------|
| Pembinaan | | | | |
| Kerja ukur | Pukal | Pukal | 1500.00 | 1500.00 |
| Lukisan pelan | Pukal | Pukal | 3000.00 | 3000.00 |
| Pembersihan tapak | Pukal | Pukal | 500.00 | 500.00 |
| Pembinaan parkir berbumbung | Pukal | Pukal | 1000.00 | 1000.00 |
| Pembinaan jalan raya | m ² | 180.0 | 6.80 | 1224.00 |
| Pembinaan pejalan jalan kaki | m ² | 10.0 | 22.00 | 220.00 |
| Merekabentuk landskap | Pukal | Pukal | 1000.00 | 1000.00 |
| Kerja pengecatan | m ² | 90.0 | 6.50 | 585.00 |
| Pemasangan pagar automatik | Pukal | Pukal | 2500.00 | 2500.00 |
| Kelengkapan | | | | |
| Pemasangan sistem rangkaian kamera CCTV | Pukal | Pukal | 2200.00 | 2200.00 |

| | | | | |
|----------------------------|----------|-------|---------|----------|
| Pemasangan sistem audio | Pukal | Pukal | 1200.00 | 1200.00 |
| Pembangunan laman web | Pukal | Pukal | 200.00 | 200.00 |
| Pembangunan pangkalan data | Pukal | Pukal | 200.00 | 200.00 |
| Pemasangan papan tanda | bilangan | 1 | 1000.00 | 1000.00 |
| Pemasangan jam digital | bilangan | 1 | 300.00 | 300.00 |
| Pemasangan tabung | bilangan | 1 | 50.00 | 50.00 |
| Jumlah | | | | 16679.00 |

3.2.3 Menambahkan Bilangan Parkir

Pertambahan bilangan parkir akan menambahkan lagi peluang warga kampus untuk parkir di mana lebih banyak kenderaan boleh parkir dalam sesuatu masa. Maka, warga kampus dapat parkir dengan cepat dan dalam jangkamasa lama serta pada bila-bila masa. Ini akan menyebabkan warga kampus tidak akan parkir di tempat larangan kerana terdapat banyak parkir kosong. Anggaran perbelanjaan untuk pembinaan cadangan ini iaitu merujuk ke pada satu (1) parkir sudut tegak adalah seperti mana yang ditunjukkan pada Jadual 7.

Jadual 7. Anggaran perbelanjaan cadangan penyelesaian praktikal 3

| Keterangan kerja | Unit | Kuantiti | Harga per unit (RM) | Jumlah (RM) |
|-------------------|----------------|----------|---------------------|-------------|
| Pembinaan | | | | |
| Kerja ukur | Pukal | Pukal | 35.00 | 35.00 |
| Lukisan pelan | Pukal | Pukal | 50.00 | 50.00 |
| Pembersihan tapak | Pukal | Pukal | 25.00 | 25.00 |
| Pembinaan parkir | m ² | 12.0 | 6.80 | 81.60 |
| Kerja pengecatan | m ² | 4.0 | 6.50 | 26.00 |
| Jumlah | | | | 217.60 |

3.2.4 Parkir di tempat larangan dibenarkan hanya ketika waktu puncak tetapi perlu di bawah pengawasan penguatkuasa

Tiada perubahan dari segi fizikal terhadap tempat larangan cuma memerlukan pengawasan penguatkuasa berada di tempat larangan pada waktu puncak. Penguatkuasa akan memantau kenderaan yang parkir di tempat larangan supaya tidak mengganggu trafik dan menimbulkan kesesakan. Penguatkuasa juga akan memastikan hanya kenderaan yang perlu parkir sementara sahaja yang dibenarkan parkir di tempat larangan.

3.2.5 Tempat larangan parkir ditambah simbol, penanda, penunjuk dan maklumat supaya lebih mudah mengenali tempat tersebut

Cadangan ini dapat menghalang daripada kesalahan trafik berlaku kerana terdapat halangan pada tempat larangan bagi membenarkan kenderaan parkir di tempat tersebut. Melibatkan pengubahsuaian tempat larangan sedia ada dengan menambahkan simbol, penanda, penunjuk, maklumat serta halangan pada parkir tersebut (**Rajah 3**). Anggaran perbelanjaan dengan merujuk kepada satu (1) parkir selari adalah seperti mana Jadual 8.



Rajah 3 Ilustrasi cadangan penyelesaian praktikal 5

Jadual 8. Anggaran perbelanjaan cadangan penyelesaian praktikal 5

| Keterangan kerja | Unit | Kuantiti | Harga per unit (RM) | Jumlah (RM) |
|------------------------|----------------|----------|---------------------|-------------|
| Pembinaan | | | | |
| Kerja pengecatan | m ² | 15.0 | 6.50 | 97.50 |
| Kelengkapan | | | | |
| Pemasangan papan tanda | bilangan | 1 | 1000.00 | 1000.00 |
| Pemasangan halangan | bilangan | 4 | 50.00 | 200.00 |
| Jumlah | | | | 1297.50 |

3.2.6 Perbandingan kelebihan dan kekurangan bagi setiap cadangan penyelesaian

Jadual 9 menunjukkan perbandingan kelebihan dan kekurangan bagi setiap cadangan penyelesaian yang diklasifikasikan praktikal.

Jadual 9. Kelebihan dan kekurangan setiap cadangan penyelesaian praktikal

| Cadangan penyelesaian | Kelebihan | Kekurangan |
|---|---|---|
| Membenarkan parkir di tempat larangan tetapi dengan syarat ada pemandu menunggu di dalam kenderaan | <ul style="list-style-type: none"> • Dapat dilaksanakan sepanjang masa • Tujuan untuk menyelesaikan sesuatu urusan segera dapat dilakukan • Dapat mengelak kesesakan yang serius • Penumpang dapat diturunkan berdekatan dengan tempat yang dituju • Tiada masalah kesalahan trafik • Kos pembinaan rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Memerlukan individu memandu kenderaan di mana tidak boleh membawa kenderaan sendiri • Berkemungkinan terdapat individu akan parkir di situ tanpa ada yang menunggu di dalam kenderaan • Dikhuatiri terdapat pemandu yang tidak memahami untuk memberi peluang pemandu lain parkir di situ |
| Menyediakan parkir sementara di mana membolehkan kenderaan parkir dalam suatu jangkamasa yang sebentar sahaja | <ul style="list-style-type: none"> • Dapat dilaksanakan sepanjang masa • Individu boleh pandu sendiri • Tujuan untuk menyelesaikan sesuatu urusan segera dapat dilakukan • Tidak mengganggu aliran trafik • Individu dapat menganggar berapa lama masa maksimum perlu menunggu sebelum dapat parkir • Berdekatan dengan tempat yang | <ul style="list-style-type: none"> • Berkemungkinan terdapat individu tidak mematuhi jangkamasa yang ditetapkan untuk parkir • Kos pembinaan yang tinggi • Kos operasi yang tinggi |

| | | |
|---|--|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan perbelanjaan operasi kerana menerima sumbangan dari individu yang menggunakan kemudahan ini • Tiada masalah kesalahan trafik | |
| Menambahkan bilangan parkir | <ul style="list-style-type: none"> • Dapat dilaksanakan sepanjang masa • Memudahkan parkir tanpa membuang masa • Tujuan untuk menyelesaikan sesuatu urusan segera dapat dilakukan • Tidak mengganggu aliran trafik | <ul style="list-style-type: none"> • Berkemungkinan hanya dapat menyelesaikan masalah kesalahan trafik untuk jangkamasa pendek sahaja • Jauh dari tempat yang dituju • Kos pembinaan tinggi • Berkemungkinan masalah kesalahan trafik akan berlaku jika individu ingin parkir berdekatan tempat yang dituju |
| Parkir di tempat larangan dibenarkan hanya ketika waktu puncak tetapi perlu di bawah pengawasan penguatkuasa | <ul style="list-style-type: none"> • Tujuan untuk menyelesaikan sesuatu urusan segera dapat dilakukan • Tidak mengganggu aliran trafik • Tiada kos pembinaan | <ul style="list-style-type: none"> • Tidak dapat dilaksanakan sepanjang masa • Berkemungkinan terdapat individu parkir di situ pada waktu lain • Berkemungkinan terdapat individu parkir lama pada waktu puncak tanpa mengendahkan penguatkuasa • Tujuan untuk menyelesaikan sesuatu urusan segera pada waktu lain tidak dapat dilakukan |
| Tempat larangan parkir ditambah simbol, penanda, penunjuk dan maklumat supaya lebih mudah mengenali tempat tersebut | <ul style="list-style-type: none"> • Dapat dilaksanakan sepanjang masa • Tidak mengganggu aliran trafik • Tiada masalah kesalahan trafik • Kos pembinaan rendah | <ul style="list-style-type: none"> • Tujuan untuk menyelesaikan sesuatu urusan segera tidak dapat dilakukan |

4. Kesimpulan

Faktor mengapa warga kampus melakukan kesalahan trafik dengan parkir di tempat larangan adalah kerana ketiadaan parkir kosong di tempat yang dituju di mana mereka mempunyai urusan yang hanya perlu diselesaikan dalam jangkamasa singkat dan secara kebetulan di tempat tersebut terdapat tempat larangan yang boleh diparkir tanpa menyebabkan gangguan aliran trafik yang serius. Warga kampus yang merasakan hanya ingin parkir sebentar yang mana tidak akan menimbulkan apa-apa masalah yang serius serta pada masa yang sama beranggapan tidak akan dikenakan tindakan kerana kemungkinan tiada aktiviti rondaan ketika itu adalah pemangkin kepada tindakan tersebut. Maka, dapat disimpulkan bahawa punca utama kepada permasalahan ini adalah kekurangan kemudahan fizikal dan kemudiannya diikuti oleh wujudnya kelemahan penguatkuasaan serta sikap warga kampus.

Cadangan penyelesaian terbaik di antara kelima-lima cadangan penyelesaian yang dianggap pratikal oleh warga kampus tidak dinyatakan di dalam artikel ini tetapi hanya dibincangkan akan konsepnya, kebaikan, kekurangan dan anggaran perbelanjaan kerana penulis berpendapat bahawa kelima-lima cadangan penyelesaian ini adalah pratikal tetapi kesesuaiannya perlu mengikut keadaan-keadaan tertentu. Ia membawa maksud bahawa cadangan penyelesaian pertama sesuai untuk sesuatu keadaan tetapi tidak sesuai dengan cadangan penyelesaian lain dan begitu sebaliknya. Penyelarai kesesuaian cadangan

penyelesaian ini dapat memberikan maklumat kepada pihak pengurusan di dalam memilih cadangan penyelesaian yang terbaik dan sesuai di dalam menangani masalah ini mengikut keadaan tempat di bawah pengurusan mereka.

Walaupun faktor dan punca kepada masalah kesalahan trafik ini dikenalpasti hanya melalui perspektif pandangan warga kampus sahaja dan seterusnya membantu di dalam membangunkan cadangan penyelesaian, tetapi apa yang diharapkan adalah ia dapat memberikan serba sedikit maklumat di dalam memahami akan permasalahan ini serta mendapat gambaran di dalam mengatasi masalah tersebut. Semoga dapat diadaptasi penemuan kajian ini bukan sahaja di dalam kampus tetapi juga di mana-mana tempat tumpuan di dalam negara. Namun demikian, di dalam memantapkan kajian sebegini pada masa hadapan, adalah disarankan lebih banyak bilangan responden diambil untuk kedua-dua kumpulan, kajian secara mendalam terhadap rekod statistik kesalahan trafik ini bagi beberapa tahun dan menjalankan beberapa ujikaji, sebagai contoh membina pelbagai bentuk tempat larangan parkir seperti tanpa atau ada penunjuk, halangan, simbol dan sebagainya serta samada mudah parkir atau tidak. Ini bagi mengetahui secara mendalam apakah keadaan yang mempengaruhi warga kampus untuk parkir di tempat larangan tersebut. Apa jua faktor, punca atau cadangan penyelesaian kepada permasalahan ini, terasnya yang pasti adalah larangan parkir di tempat larangan pasti ada sebab mengapa peraturan ini dikuatkuasa dan semestinya akan mendatangkan kesan buruk sama ada serius atau tidak sekiranya melakukan tindakan demikian.

5. Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi penghargaan kepada warga kampus yang sudi menjadi responden di dalam menjayakan kajian ini.

6. Rujukan

- Dayang Noorlizah, A. M. (2011). Kajian pengambilan susu dan produk tenusu di kalangan Pelajar Universiti Malaysia Sabah. Tesis Sarjana Muda. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Global Parking Association Leaders (2013). 2013 Global parking survey. Dublin: Global Parking Association Leaders Summit.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2011). *Garis panduan perancangan tempat letak kereta*. Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Kamilawati, I. (2008). Kajian tempat motosikal: Kes kajian di dalam kampus UTM, Skudai. Tesis Sarjana Muda. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Noor, A. (2003). Analisis penyediaan tempat letak kereta mengikut jenis gunatanah bandar-bandar di Malaysia. Laporan akhir projek penyelidikan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhd Burhanuddin, Y. A. (2006). Kesan Bayaran Tempat Letak Kereta Kepada Pengguna di UKM bagi Pemilihan Jenis Kenderaan. Tesis Sarjana Muda. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustazar, M., & Leong, M. J. (2008). Faktor-faktor yang menyebabkan pengguna cenderung mengunjungi pasaraya besar: Satu kajian kes di Kajang, Selangor. *Prosiding PERKEM III*, 1, 158-177.
- Transportation Division (2011). *Public parking survey*. Manhattan: NYC Department of City Planning.
- Uzairi, S. (2012). Kajian kes penawaran dan permintaan tempat letak kereta di persekitaran Pekan Jitra 2, Jitra, Kedah Darul Aman. *Prosiding POLIMAS 2012*, 1, 9-17.

Zaliha, H., Roaimah, O., Salmiah, S., & Zubaidah, Z. (2003). *Persepsi mahasiswa/i terhadap tindakan dan hukuman tatatertib: Kajian kes ke atas UiTM Cawangan Melaka Kampus Alor Gajah. Laporan akhir projek penyelidikan. Alor Gajah: Universiti Teknologi MARA.*